

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
KEMPEN PENGECUALIAN FI SEWA PEDAGANG**

PENGANJUR

1. **KEMPEN PENGECUALIAN FI SEWA PEDAGANG** (“Kempen”) adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)] (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran: 200401032872 (671380-H)] (“**CIMB Islamic**”). CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic akan selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**CIMB**” atau “**Bank**”.

TEMPOH KEMPEN

2. Kempen ini akan berlangsung dari **1 Oktober 2021** hingga **31 Disember 2022**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”), melainkan kami memaklum anda tentang apa-apa perubahan.

KRITERIA KELAYAKAN

3. Kempen ini adalah terbuka kepada semua pelanggan baru dan sedia ada yang:
 - (i) Merupakan Pelanggan Pemilik tunggal/Perkongsian/Perbankan Perusahaan/ Perbankan Komersial Bank yang memegang minimum satu (1) Akaun Semasa Perniagaan Konvensional / Islamik CIMB selepas ini dirujuk sebagai “**BCA**” dan “**BCA-i**” masing-masing sebagai Akaun Gaji; dan
 - (ii) Melanggan Pakej Penyelesaian Gaji Dan Perbankan (“*Payroll and Banking Solution Package*”) CIMB@Work melalui Surat Tawaran dengan memproseskan bayaran gaji kepada Akaun Semasa atau Akaun Simpanan Konvensional/Islamik pekerja, selepas ini dirujuk sebagai “**CASA/CASA-i**” (kecuali Akaun Semasa Mata Wang Asing/Akaun Semasa Mata Wang Asing-i) melalui BizChannel@CIMB; dan
 - (iii) Melaksanakan bayaran gaji pertama kepada pekerja dari Akaun Gaji, melalui BizChannel@CIMB dalam 6 bulan dari Surat Tawaran ditandatangani, selepas ini tarikh bayaran gaji pertama dirujuk sebagai “**CIMB@Work Live Month**” dan pelanggan yang memenuhi syarat-syarat dinyatakan di (ii) dan (iii) hendaklah dirujuk sebagai “**CIMB@Work Live Employer**”; dan
 - (iv) Pendaftaran pedagang baru untuk Terminal dengan akaun penyelesaian CIMB

Pelanggan yang memenuhi syarat-syarat dari (i) hingga (iv) adalah dirujuk sebagai “**Peserta Layak**” atau “**anda**”.

4. Individu yang berikut TIDAK akan layak untuk menyertai dalam Kempen ini:
 - (i) Ia telah memungkiri mana-mana terma-terma dan syarat-syarat akaun tersebut; dan/atau
 - (ii) Akaunnya yang dikekalkan dengan Bank telah digantung, ditamat atau tidak aktif pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen; dan/atau
 - (iii) Syarikat korporat; dan/atau
 - (iv) Syarikat yang terlibat dalam unit/akaun ini (termasuk tetapi tidak terhad kepada): Entiti Kerajaan, Syarikat pemegang pelaburan, Akaun Kutipan, Akaun Klien, Pemegang Amanah, bayaran Gerbang, bayaran Pembekal, pemulangan cukai pendapatan/Zakat, perkhidmatan Pengiriman Wang, perkhidmatan Pemberi Pinjaman Wang Berdaftar, perkhidmatan Pertukaran Mata Wang Asing, apa-apa keagamaan/pelajar/atau apa-apa kelab/persatuan dan akaun berkaitan pelajar.

TERMA-TERMA PENYERTAAN

5. Untuk menyertai, Peserta Layak mestilah memenuhi syarat-syarat di bawah:

- (i) Mendaftar suatu penerimaan bayaran Terminal pedagang baru dengan akaun penyelesaian CIMB; dan/atau
- (ii) Mendebitkan bayaran gaji kepada minimum lima (5) CASA/CASA-i CIMB perkerja dari Akaun Gaji setiap bulan mulai dari bulan pendaftaran pedagang baru; dan
- (iii) Gaji tersebut yang didebitkan dari Akaun Gaji mestilah dipindah kepada pekerja melalui BizChannel@CIMB untuk menjadi layak bagi ganjaran kempen. Untuk mengelakkan keraguan, gaji yang didebitkan melalui deposit tunai atau cek tidak akan memberi Peserta Layak kelayakan kepada ganjaran kempen; dan
- (iv) Jumlah minimum bagi setiap nilai gaji diurus oleh syarikat mestilah sebanyak Ringgit Malaysia Tujuh Ratus (“RM700”) dan ke atas; dan/atau
- (v) Jika pekerja mempunyai lebih daripada satu (1) kali pengkreditan gaji dalam sebulan, pekerja tersebut akan dikira sebagai satu (1) pekerja dalam bulan tertentu tersebut; dan
- (vi) Mengekalkan minimum Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (“RM50,000”) baki bulan akhir, selepas ini dirujuk sebagai “MEB” dalam mana-mana BCA/BCA-i yang Peserta Layak merupakan pemegang akaun utama setiap bulan mulai dari bulan pendaftaran pedagang baru; dan/atau
- (vii) Jika Peserta Layak mempunyai beberapa BCA/BCA-i dengan CIMB, CIMB akan menggunakan satu (1) BCA/BCA-i sahaja dengan MEB tertinggi untuk menentukan sama ada Peserta Layak berlayak kepada apa-apa ganjaran kempen.

Syarat-syarat dari (i) hingga (vii) akan selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Kriteria Kelayakan**” dan Peserta Layak yang memenuhi Kriteria Kelayakan akan dirujuk sebagai “**Pelanggan Layak**”.

MEKANIK KEMPEN

6. Pelanggan Layak akan layak kepada pengecualian fi sewa pedagang sebanyak RM50 bagi setiap bulan layak, selepas ini dirujuk sebagai “**Ganjaran Kempen**”.
7. Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan Layak yang melanggan “*Payroll and Banking Solution Package*” CIMB@Work melalui Surat Tawaran dan penerimaan bayaran Terminal pedagang baru dengan akaun penyelesaian CIMB secara serentak hanya layak kepada Ganjaran Kempen selepas Pelanggan Layak telah dianggap sebagai “*CIMB@Work Live Employer*” oleh CIMB.
8. Pelanggan Layak akan menikmati Ganjaran Kempen bagi maksimum dua belas (12) bulan mulai dari tarikh pendaftaran. Untuk mengelakkan keraguan, tarikh pendaftaran bermaksud tarikh Bank mengesahkan dan membuka akaun dalam sistem kami atau bayaran gaji pertama didebitkan dari Akaun Gaji (yang mana tarikh kemudian).

Di bawah ialah ilustrasi tentang bagaimana Ganjaran Kempen dikreditkan:

Bil	Bulan pendaftaran pedagang	“CIMB@Work Live Month”	Kelayakan	Bulan Pemenuhan Pertama	Bulan Pengkreditan Ganjaran Kempen Akhir
i	1 Okt 2021	31 Jan 2020	Ya	sebelum 31 Dis 2021	sebelum 30 Nov 2022
ii	1 Ogos 2021	26 Okt 2021	Tidak	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan
iii	1 Okt 2021	26 Okt 2021	Ya	sebelum 31 Dis 2021	sebelum 30 Nov 2022

iv	11 Okt 2021	15 Jan 2022	Ya	sebelum 31 Mac 2022	sebelum 28 Feb 2023
----	-------------	-------------	----	---------------------	---------------------

9. Setiap Pelanggan Layak akan layak untuk menerima satu (1) Ganjaran Kempen sehingga dua belas (12) bulan.
10. Jika Pelanggan Layak mendaftar lebih daripada satu (1) Terminal semasa tempoh kempen, Pelanggan Layak akan diberikan dengan hanya satu (1) Ganjaran Kempen untuk setiap syarikat berdaftar dan Pelanggan Layak hendaklah bertanggungjawab kepada fi sewa yang dikenakan ke atas Terminal tambahan.
11. CIMB akan mengkreditkan Ganjaran Kempen kepada akaun pedagang ditetapkan Pelanggan Layak tidak lewat daripada Seratus dan Dua Puluh hari (120) selepas pelanggan layak memenuhi Kriteria Kelayakan, selepas ini dirujuk sebagai "**Bulan Pemenuhan**".
12. Apa-apa manfaat yang ditawarkan oleh Bank kepada anda adalah berdasarkan semata-mata budi bicara Bank.
13. Jika Kriteria Kelayakan tidak dipenuhi dalam mana-mana bulan semasa tempoh dua belas (12) bulan mulai dari tarikh pendaftaran, Pelanggan Layak tidak akan menerima apa-apa Ganjaran Kempen bagi bulan tersebut.
14. Pada masa CIMB mengecualikan jumlah sewa, Pelanggan Layak MESTILAH TIDAK menjadi berdelinkuen, dan/atau tidak sah, dorman, ditutup atau dibatal, jika tidak Pelanggan Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai dalam Kempen ini dan tidak akan layak menerima ganjaran di bawah Kempen ini.
15. CIMB tidak akan melayan apa-apa permintaan daripada mana-mana Pelanggan Layak atau sesiapa orang lain untuk mengkreditkan Ganjaran Kempen kepada akaun Pelanggan Layak lain atau akaun pihak ketiga, sama ada dikekalkan di CIMB atau apa-apa Bank lain.
16. Peserta Layak dan Pelanggan Layak hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap yang berikut sebagai akibat penerimaan Ganjaran Kempen:
 - (a) apa-apa kewajipan pemfailan cukai atau apa-apa pembayaran cukai yang perlu dibayar kepada mana-mana pihak berkuasa; dan
 - (b) untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai implikasi berpotensi terhadap keadaan kewangan beliau sendiri.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AM

17. Peserta Layak dan Pelanggan Layak bersetuju bahawa dengan menyertai dalam Kempen ini, mereka:
 - (a) telah mengakses, membaca dan mengesah persetujuan mereka terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - (b) memberi kebenaran kepada CIMB untuk memproses dan mendedah data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my
 - (c) bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Ganjaran Kempen yang akan diberikan dan penentuan Pelanggan Layak, hendaklah muktamad, terikat, dan konklusif; dan
 - (d) bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak dan Pelanggan Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian

daripada mana-mana kewajipannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh:

- (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
- (ii) kegagalan elektrik;
- (iii) pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
- (iv) apa-apa bencana alam ("*act of God*") di luar kawalan CIMB; atau
- (v) apa-apa faktor dalam sifat *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.

18. Peserta Layak dan Pelanggan Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai dalam Kempen dan/atau Ganjaran Kempen akan dilucuthakkan jika, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan Ganjaran Kempen :

- (a) Peserta Layak dan Pelanggan Layak memungkiri Perjanjian Pedagang untuk penerimaan bayaran Terminal, terma-terma dan syarat-syarat "Payroll and Banking Solution Package" CIMB@Work dan/atau terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal BizChannel@CIMB dan/atau BCA/BCA-i; atau
- (b) Perjanjian Pedagang untuk penerimaan bayaran Terminal, "Payroll and Banking Solution Package" CIMB@Work, BizChannel@CIMB dan/atau BCA/BCA-i telah ditamatkan atau ditutupkan atau tertakluk kepada apa-apa penahan, perintah bertentangan yang dilaksanakan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak kuasa yang diberi kuasa oleh undang-undang; atau
- (c) Perkhidmatan penerimaan bayaran Terminal, "Payroll and Banking Solution Package" CIMB@Work, BizChannel@CIMB dan/atau BCA/BCA-i adalah berdelinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Peserta Layak dan Pelanggan Layak atau CIMB.

19. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak dan Pelanggan Layak yang ia tentukan:

- (a) mengganggu dengan proses penyertaan atau permohonan; dan/atau
- (b) bertindak memungkiri Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

20. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk:

- (a) menggantikan Ganjaran Kempen dengan benda lain yang mempunyai kos setara; dan/atau
- (b) melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen.

dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta Layak dan Pelanggan Layak melalui:

- (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
- (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
- (iii) dengan apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.

Untuk mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak dan Pelanggan Layak bagi apa-apa kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak dan Pelanggan Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung oleh apa-

apa penggantian Ganjaran Kempen dan/atau apa-apa pembatalan, penggantungan, pemendekkan atau pelanjutan Kempen.

21. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak dan Pelanggan Layak atau mana-mana pihak bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) akibat daripada penyertaan atau bukan penyertaan Peserta Layak dan Pelanggan Layak dalam Kempen; melainkan kerugian atau ganti rugi sedemikian yang timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
22. a) CIMB hendaklah mempunyai hak untuk mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini (“Pindaan”) dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta Layak dan Pelanggan Layak melalui:
 - (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - (ii) notis di cawangan CIMB; dan/atau
 - (iii) iklan di suatu akhbar pilihan CIMB; dan/atau
 - (iv) dengan apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.b) Pindaan hendaklah dianggap mengikat terhadap Peserta Layak dan Pelanggan Layak dari tarikh seperti yang ditentukan oleh CIMB dalam pemberitahuan.
c) Peserta Layak dan Pelanggan Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan memastikan mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
23. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak dan Pelanggan Layak bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak dan Pelanggan Layak akibat secara langsung atau tidak langsung daripada Pindaan.
24. Peserta Layak dan Pelanggan Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB ditanggung rugi terhadap apa-apa fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, ganti rugi atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada:
 - (a) penyertaan Peserta Layak dan Pelanggan Layak dalam Kempen; dan/atau
 - (b) penerimaan atau penggunaan Ganjaran Kempen oleh Peserta Layak dan Pelanggan Layak.
25. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:
 - (a) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan
 - (b) dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Perjanjian Pedagang dan Surat Tawaran untuk “Payroll and Banking Solution Package” CIMB@Work yang akan digunapakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
26. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada mana-mana undang-undang, peraturan dan garis panduan, arahan, notis semasa yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB dari semasa ke semasa.

27. Peserta Layak dan Pelanggan Layak hendaklah merujuk sebarang pertanyaan, maklum balas, kluatir, isu atau aduan mengenai produk Islamik yang ditawarkan di bawah "Payroll and Banking Solution Package" CIMB@Work kepada CIMB Islamic Bank. CIMB Islamic Bank sebagai penyedia Produk Layak akan melayan sebarang perkara berkaitan dengan Produk Layak.
28. Peserta Layak dan Pelanggan Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan CIMB Bank untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan kempen ini melalui panggilan telefon:

No Telefon: 03-6204 7733

CIMB boleh mengubah butir-butir perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Peserta Layak dan Pelanggan Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau dengan apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.